

Headline **PPIM lancar program setiap orang tanam pokok elak pencemaran**
Date **21 Apr 2011** Language **Malay**
MediaTitle **Kosmo** Page No **18**
Section **Negara** Article Size **106 cm²**
Journalist **N/A** Color **Full Color**
Frequency **Daily** ADValue **922**
Circ / Read **115,967 / 406,000** PRValue **2,765**



PPIM lancar program setiap orang tanam pokok elak pencemaran

KUALA LUMPUR – Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mengambil inisiatif menganjurkan Program 1 Orang 1 Pokok sebagai tanda prihatin terhadap masalah pencemaran udara dan kandungan toksik.

Program yang menggalakkan setiap individu terutama golongan muda menanam sebatang pokok dan menjadikannya anak angkat dilihat membantu memulihara alam sekitar.

Penasihat Alam Sekitar PPIM,

Dr. Yasmeen Mohamed berkata, setiap batang pokok boleh menyerap 50 paun karbon dioksida selama setahun.

“Melalui program ini, orang ramai boleh menjadi sebahagian daripada proses pemuliharaan

alam sekitar kita.

“Kami akan mulakan di peringkat awal dengan menggalakkan pelajar darjah satu untuk menanam sebatang pokok dan menjadikannya sebagai anak angkat,” katanya pada sidang

akhbar di sini kelmarin.

Menurut Yasmeen, buat masa ini, PPIM sedang mencari organisasi seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia untuk mendapatkan bekalan anak-anak pokok.